



# Siaran Akhbar

LIMA'19  
LANGKAWI

## The Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 26-30 MARCH 2019

DEFENCE & COMMERCIAL CONNECTING INTELLIGENCE

[www.limaexhibition.com](http://www.limaexhibition.com)  
f lima.langkawi @LimaExhibition @Lima\_exhibition lima exhibition

MOD.100/2/1/2 Jld 3 (47) 02/03

### **PAMERAN LIMA'19 BAKAL MELETAKKAN MALAYSIA DI LANDASAN YANG TEPAT**

Kemeriahian Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) yang berlangsung esok hingga 30 Mac ini semakin terasa apabila pengamal media diberikan penerangan dan tinjauan di booth pemamer di Pusat Dagangan Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Pengamal media turut diraikan Menteri Pertahanan Mohamad Sabu dan Menteri Pengangkutan Anthony Loke dalam jamuan teh bersaksikan keindahan pemandangan di Resorts World Langkawi, lokasi kedua LIMA'19 yang menyajikan deretan pelbagai jenis kapal dan aset maritim.

Antara pesanan penting dari menteri pertahanan adalah LIMA'19 bakal meletakkan Malaysia dalam landasan tepat untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dan memperluas rantaian komunikasi dan kerjasama bersama pemain industri aeroangkasa dan maritim.

Manakala Menteri Pengangkutan memberi puji kepada pengamal media tempatan dan antarabangsa kerana liputan dan promosi pra-majlis yang antara lain menjadi faktor ruang pameran penuh ditempah.

Di lokasi yang sama turut diadakan persembahan dan demonstrasi menyelamat tebusan menggunakan konsep inter-agency coordinated rescue mission dan Demonstrasi Keupayaan Tim Elit berserta aset setiap agensi yang terlibat yang menggegarkan pengunjung melalui aksi-aksi pantas dan penuh disiplin.

Persiapan keseluruhan pameran dilihat telah memasuki fasa terakhir untuk disiapkan sebelum dirasmikan esok oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang merupakan pencetus kepada pengajuran pertama pameran berprestij ini pada 1991, sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri keempat ketika itu.

Seluruh kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan khasnya dari Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pengangkutan telah tiba di sini sejak semalam bagi meninjau persiapan akhir itu menjelang majlis perasmian esok.

Sebanyak 406 syarikat pertahanan, komersial dari 32 buah negara mengesahkan penyertaan dalam LIMA'19 yang melibatkan sebanyak 206 syarikat tempatan serta 200 syarikat antarabangsa.

Pameran LIMA'19 edisi ke-15 pada kali ini, akan dianjurkan secara bersama oleh EN Projects (M) Sdn Bhd, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan bertemakan, Defence and Commercial Connecting Intelligence.

-TAMAT-

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**25 Mac 2019**